



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**SEMESTER 2 2019/2020**

**PPK 201- PENGESANAN, DIAGNOSIS DAN PENILAIAN KANAK-KANAK KHAS**

**TUGASAN ESEI PENILAIAN**

**TAJUK:**

**KEKUATAN, KELEMAHAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN INSTRUMENT  
PENILAIAN DALAM JURNAL BAHASA MELAYU**

**DISEDIAKAN OLEH :**



**ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS**

**(148634)**

**NAMA PENSYARAH :**

**DR. NORAINI BINTI ABDULLAH**

Setiap instrument yang digunakan dalam penilaian sudah pasti memiliki kekuatan dan kelemahan masing-masing. Kekuatan instrument menunjukkan bahawa penilaian yang dilakukan boleh dipercayai dan digunapakai. Manakala, kelemahan dalam sesuatu instrument menjadikan penilaian tersebut boleh dibaiki dari semasa ke semasa agar hasil iaitu dapatan kajian yang didapatkan adalah berkualiti. Instrument yang digunakan membantu dalam mendapatkan maklumat dan data yang penting. Oleh itu, setiap penilaian yang dilakukan perlulah memiliki instrument yang baik.

#### **KEKUATAN INSTRUMENT DALAM JURNAL BAHASA MELAYU :**

Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen, iaitu senarai semak dan rekod murid. Senarai semak ialah instrumen utama untuk mendapatkan data kajian melalui pemerhatian dan temu bual. Manakala, Rekod murid digunakan bagi mendapatkan profil murid serta pengesahan doktor tentang kategori murid berdasarkan borang yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Salah satu kekuatan instrument senarai semak yang digunakan adalah boleh digunapakai oleh sesiapa sahaja. Bermaksud tidak semestinya guru atau ibu bapa sahaja yang boleh menggunakan senarai semak ini, tetapi orang lain juga boleh. Contohnya dalam kajian ini, pengumpulan data melalui senarai semak telah dilakukan oleh pembantu penyelidik. Mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan terhadap sampel dan aspek yang diberikan penekanan dalam kajian iaitu berkaitan murid masalah komunikasi lisan. Senarai semak ini juga boleh dilakukan samada semasa atau selepas pemerhatian terhadap murid tersebut dilakukan. Maksudnya, penyelidik tidak perlu tergesa-gesa untuk mengumpul data pada waktu dia memerhati.

Selain itu, Instrument senarai semak yang digunakan juga mudah untuk diaplikasikan dan bersifat praktikal. Hal ini kerana, senarai semak boleh dilakukan dalam bermacam kaedah seperti pemerhatian, temu bual dan lain-lain. Dalam jurnal ini, penyelidik telah menemu bual ibu bapa murid untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan Bahasa dan komunikasi anak mereka dari bayi sehingga sekarang. Dengan ini, banyak data yang dapat dikumpulkan untuk mengenalpasti tanda dan simptom murid bermasalah komunikasi lisan. Item juga disusun mengikut pemeringkatan, prosedur kajian nampak lebih jelas dan teratur bagi memudahkan pengumpulan data dilakukan. Walaupun terdapat 51 item yang dikaji, namun dengan instrument yang digunakan data diperolehi dengan mudah dan cepat. Kajian ini telah dilakukan selama 2 bulan. Skor murid juga telah digunapakai agar lebih mudah untuk difahami.

Rekod murid yang digunakan juga digunapakai dalam membuat penilaian untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh murid dengan lebih mudah. Hal ini kerana, tanpa rekod tersebut mungkin mengambil masa yang agak lama untuk mengenal jenis dan masalah

yang dihadapi oleh murid. Dengan adanya rekod ini, dapat menjimatkan masa dan murid mudah untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Oleh itu, bagi pendapat saya instrument yang digunakan dalam kajian ini memiliki banyak kekuatan. Instrument ini sesuai dan boleh diaplikasikan dengan mudah untuk mendapatkan data dan maklumat.

#### **KELEMAHAN INSTRUMENT DALAM JURNAL BAHASA MELAYU :**

Salah satu kelemahan instrument yang terdapat dalam penilaian yang dilaksanakan ini adalah masa yang digunakan untuk menyediakan borang senarai semak adalah panjang. Hal ini kerana, terdapat banyak data dan maklumat yang perlu dikenalpasti, oleh itu masa yang singkat tidak dapat dalam menjalankan penilaian yang dilakukan. Sekiranya masa yang digunakan singkat, kemungkinan besar data dan maklumat yang diperoleh tidak akan berkualiti. Oleh itu, walaupun banyak kekuatan tetapi kita perlu sedar juga bahawa masa yang digunakan adalah agak lama.

Kelemahan instrument ini juga adalah rekod murid terdedah kepada orang lain. Seperti yang kita sedia maklum, orang yang mengumpulkan data dalam kajian ini bukan guru atau ibu bapa tetapi pembantu penyelidik. Seramai 1125 murid diketahui masalahnya yang lain selain daripada masalah komunikasi. Hal ini menyebabkan, peribadi masalah pembelajaran murid tersebut diketahui oleh mereka.

Akhir sekali, kelemahan instrument yang digunakan adalah tertumpu kepada satu masalah sahaja iaitu masalah lisan dan komunikasi. Senarai semak tidak dapat digunakan sekiranya penilai hendak menjalankan kajian untuk menilai dari pelbagai aspek. Hal ini menyebabkan senarai semak hanya akan digunakan sekiranya bertujuan untuk mengukur satu aspek sahaja. Hal ini menyebabkan senarai semak ini menjadi lemah kerana masa yang digunakan panjang tetapi fungsi hanya kepada satu sahaja.

#### **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN INSTRUMENT PENILAIAN :**

Pada pandangan saya, salah satu cadangan penambahbaikan instrument yang sesuai adalah menyediakan senarai semak dengan lebih awal iaitu sebelum pemerhatian dilakukan. Sebagai contohnya, 2 atau 3 bulan sebelum kajian dilakukan sepatutnya borang senarai sudah sedia. Hal ini bagi menjimatkan masa sewaktu kajian dijalankan.

Selain itu, instrument senarai semak juga boleh dibaiki dengan mengurangkan item yang terkandung dalamnya. Penilai boleh mengurangkannya dengan memasukkan hanya item-item yang penting dan dirasakan berkepentingan sahaja. Hal ini dapat menjimatkan tenaga dan masa dalam memerhatikan murid dan semasa temu bual ibu bapa mereka. Soalan-soalan yang diajukan boleh dikurangkan kerana kebanyakan ibu bapa pada masa ini sibuk bekerja, jadi untuk menjaga kepentingan sesama, hal ini perlu diambil kira.

Untuk rekod murid pula boleh diberikan tetapi mengehadkan jumlah pembantu penyelidik yang boleh melihat. Hal ini supaya hal peribadi murid sentiasa terjaga dan tiada isu yang berlaku. Saya mengatakan sedemikian kerana, seramai 1125 murid tersebut tidak semestinya semua keluarga mereka membenarkan jika data mereka terdedah. Oleh itu, kita perlu berhati-hati dalam menjaga kepentingan semua pihak.